

596:
MAHATHIR

1970

KUALA LUMPUR, 6 SEPT (BERNAMA)—MENTERI PELAJARAN YANG BARU, DR. MAHATHIR MOHAMED, MEMULAKAN TUGASNYA HARI INI DENGAN MENGADAKAN PERTEMUAN DAN PERBINCANGAN DENGAN PEGAWAI KANAN KEMENTERIANNYA.

BELIAU JUGA MENERIMA PENYERAHAN TUGAS SECARA RESMI OLEH BEKAS MENTERI PELAJARAN, HAJI MOHAMED YAAKOB.

WALAU BAGAIMANAPUN, DR. MAHATHIR AKAN HANYA MENJALANKAN TUGAS SEPENUHNYA PADA HARI ISNIN SETELAH MEMBERESKAN KERJA-KERJA DAN KLINIKNYA DI ALOR STAR.

SEMENTARA ITU, HAJI MOHAMED YAAKOB AKAN MENJALANKAN UPACARA-UPACARA RESMI DALAM DUA HARI YANG AKAN DATANG.

DR. MAHATHIR MENSIFATKAN TUGASNYA SEBAGAI MENTERI PELAJARAN SEBAGAI SATU TANGGUNJAWAB YANG BERAT KERANA IA MELIBATKAN BANYAK KUMPULAN SEPERTI IBUBAPA, PENUNTUT-PENUNTUT DAN GURU-GURU.

"SAYA AKAN MENINJAU PENDAPAT MEREKA, SUPAYA APA YANG SAYA JALANKAN KELAK TIDAK AKAN TERENTAK HATI MANA-MANA PEHAK," KATANYA.

BELIAU JUGA SEDAR MEMANG SUSAH HENDAK MENCARI JALAN YANG BOLEH DISUKAI OLEH RAMAI ORANG KERANA PENDAPAT ORANG TENTANG PELAJARAN ADALAH TIDAK SERUPA. -- BERSAMBUNG HM 1658

597:
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

TANGGUNGAN INI BERAT TERUTAMA KEPADA ORANG SEPERTINYA YANG TIDAK BERMULA SEBAGAI SETIAUSAHA PARLIMEN ATAU TIMBALAN MENTERI.

WALAU BAGAIMANAPUN BELIAU MERASA TUGASNYA TIDAK AKAN SEBEGITU BERAT KERANA BELIAU MEMPUNYAI SEORANG TIMBALAN MENTERI IAITU ENCIK CHAN SIANG SUN.

MENURUT DR. MAHATHIR TUGAS PERTAMANYA IALAH MENGGAJI SUSUNAN KEMAMPUAN DAN KEBOLEHAN KEMENTERIAN DAN PEGAWAI-PEGAWAI KEMENTERIAN TERSEBUT KERANA BELIAU MEMPUNYAI IDEA-IDEA TERTENTU HENDAK DIJALANKAN

"SAYA PERLUKAN KETERANGAN YANG LEBIH BANYAK TENTANG SUSUNAN, KEBOLEHAN PEGAWAI-PEGAWAI DAN LAIN-LAIN DATA SEBELUM DAPAT DITENTUKAN SAMADA IDEA-IDEA INI DAPAT DILAKSANAKAN."

WALAUPUN MENJADI MENTERI PELAJARAN ADALAH SESUATU YANG BARU KEPADANYA TETAPI BAGI DR. MAHATHIR BIDANG PELAJARAN BUKANLAH ASING BAGINYA.

BELIAU BERKECIMPUNG RAPAT DALAM BIDANG TERSEBUT DAN MENGETAHUI MASAALAH-MASAALAHNYA. BELIAU PERNAH MENJADI Pengerusi MAJLIS PELAJARAN TINGGI DAN MAJLIS PENASEHAT PELAJARAN TINGGI DAN AKHIR SEKALI SEBAGAI Pengerusi MAJLIS UNIVERSITI, UNIVERSITI KEBANGSAAN.

"PENGALAMAN SAYA DALAM TUGAS-TUGAS TERSEBUT ADALAH BERGUNA DALAM TUGAS SAYA SARU INI." -- BERSAMBUNG HM 1702

20

"SAYA JUGA SELALU RAPAT DENGAN PENUNTUT-PENUNTUT DAN ORANG-ORANG PERSEORANGAN YANG MENGAMBIL BERAT TENTANG PELAJARAN DALAM NEGARA INI DAN INI JUGA MENOLONG DALAM TUGAS SAYA."

DR. MAHATHIR JUGA MENGANGGAP PELAJARAN ADALAH PENTING KERANA RUPA BENTUK NEGARA BERGANTUNG KEPADA DIDIKAN YANG DITERIMA OLEH RAKYATNYA.

NEGARA YANG BERSATU, KEKAL DAN KUKUH ADALAH BERGANTUNG KEPADA PELAJARAN DAN DIDIKAN.

MENJAWAB MENGENAI AKTA KOLEJ DAN KOLEJ UNIVERSITI YANG MENDAPAT TERTANGAN DARIPADA KALANGAN PENUNTUT, DR. MAHATHIR BERKATA AKTA TERSEBUT TIDAK SESUAI KALAU IA MENYEKAT KEBEBASAN AKADEMIK.

MALAU BAGAIMANAPUN, KATANYA, KEBEBASAN AKADEMIK TIDAK BOLEH DITAI SIKAN SEBAGAI KEBEBASAN UNTUK BERTINDAK.

MITHAL, NEGARA INI TIDAK MENYEKAT MEMPELAJARI TEORI EKONOMI MARXIST SEBAGAI SATU PELAJARAN TETAPI MENYEKAT MEMPERAKTIKKAN KOMUNISMA.

BELIAU JUGA BERSEDIA MENGADAKAN PERBINCANGAN DENGAN PENUNTUT PENUNTUT MENGENAI PRINSIP ASAS AKTA TERSEBUT.

"KALAU PENUNTUT BOLEH MENUNJUKKAN AKTA INI MENYEKAT KEBEBASAN AKADEMIK SAYA SEDIA BERTINDAK."

SEBAGAI SEORANG YANG TELAH BERJUANG DALAM POLITIK SELAMA 29 TAHUN, SEJAK TAHUN 1945, PERLANTIKANNYA SEBAGAI MENTERI MERUPAKAN PENCAPAIAN SATU CITA-CITA.

"SETIAP ORANG YANG NASUK POLITIK BUKAN SAHAJA SETAKAT MAHU BERCAKAP MALAHAN MAHU MALAKSANAKAN DAN MEMBENTUK POLISI."
-BERSAMBUNG HM. 1708

DR. MAHATHIR AKAN TERUS MENJADI PENERUSI MAJLIS UNIVERSITI, UNIVERSITI KEBANGSAAN.

UNTUK SEMENTARA WAKTU BELIAU AKAN TERUS MENJADI PENERUSI FIMA DAN AHLI BEBERAPA BADAN LAIN HINGGA ADA ORANG YANG BOLEH MENGGANTIKAN BELIAU.

TUN ABDUL RAZAK SENDIRI BERSETUJU BELIAU TERUS DENGAN JAWATAN FIMA ITU.

ENCIK CHAN SIANG SUN YANG HADIR BERSAMA DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU BANGGA DIATAS KEPERCAYAAN YANG DIBERIKAN KEPADANYA.

BELIAU BERSETUJU DENGAN DR. MAHATHIR BAHAWA PELAJARAN ADALAH SESUATU YANG KOMPLEKS DAN INI MENJADIKAN SATU CABARAN KEPADANYA UNTUK MENJALANKANNYA.

BELIAU JUGA GEMBIRA KERANA MEMPUNYAI "KETUA YANG BERKELIBAR" DAN BERHARAP BELIAU AKAN DAPAT MENJALANKAN TUGASNYA DENGAN SENPURNA
—BERNAMA HM 1711